



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KKM PERKUKUH PERKHIDMATAN PALIATIF NEGARA MELALUI PELANCARAN '*NATIONAL STANDARDS FOR PALLIATIVE CARE*' PERTAMA DI MALAYSIA

Putrajaya, 11 Oktober 2025

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Institut Kanser Negara (IKN) hari ini menganjurkan Sambutan Hari Hospis dan Rawatan Paliatif Sedunia 2025, dan disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia. Majlis ini adalah **manifestasi komitmen berterusan KKM dalam meningkatkan kesedaran serta memperluas akses kepada perkhidmatan rawatan paliatif** di seluruh negara.

Sambutan tahun ini merupakan inisiatif bersama IKN, Majlis Hospis dan Rawatan Paliatif Malaysia (MHPCC) dan Persatuan Pendidikan Perubatan IKN (PPPIKN) juga dengan kerjasama pelbagai rakan strategik. Bertemakan "**Seiring dan Sejalan: Dekat di Hati, Sentiasa di Sisi**", program ini menekankan nilai kasih sayang, maruah dan keselesaan dalam penjagaan pesakit melalui pendekatan paliatif yang holistik dan berperikemanusiaan.

Melalui pelancaran '*Atlas of Palliative Care 2025*' di Kuching baru-baru ini, Malaysia kini tersenarai dalam **kategori kedua tertinggi** sebagai **negara dengan pembangunan rawatan paliatif yang mapan** serta menduduki **tempat ke-9 daripada 41 negara di rantau Asia Pasifik** — satu pencapaian membanggakan dalam memperkukuh sistem penjagaan akhir hayat.

Akses kepada rawatan paliatif di Malaysia menunjukkan peningkatan dengan kurang daripada **10% pesakit** yang memerlukan rawatan menerima perkhidmatan tersebut pada tahun 2019, tetapi meningkat kepada **14.5%** pada tahun 2025. Peningkatan ini menggambarkan usaha berterusan KKM bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO), sektor swasta dan institusi akademik dalam memperluas tenaga pakar, menyediakan latihan berterusan kepada petugas kesihatan, mengintegrasikan perkhidmatan paliatif dalam sistem kesihatan primer serta membangunkan modul pembelajaran bersepadu bagi pelajar perubatan dan kejururawatan.

Antara inisiatif lain:

- a. **Program Special Interest Group in Basic Palliative and End-of-Life Care:** melatih pegawai perubatan dalam berikan rawatan paliatif asas di hospital tanpa pakar khusus;
- b. **Kerjasama dengan MHPCC:** sesi advokasi bulanan untuk staf perawatan komuniti;
- c. **Latihan kepakaran berterusan:** subkepakaran baharu dan Diploma Lanjutan Penjagaan Paliatif untuk *Allied Health Professionals*;
- d. **Sesi libat urus dengan institusi pendidikan tinggi:** bagi integrasi modul bersepadu rawatan paliatif dalam kurikulum pelajar perubatan dan kejururawatan.

Sambutan pada hari ini turut menyaksikan pelancaran dokumen “**National Standards for Palliative Care**”, hasil usaha kolektif Jawatankuasa Standard Rawatan Paliatif Kebangsaan dengan penglibatan pelbagai pihak merangkumi sektor awam, swasta, NGO, pesakit, dan penjaga. Dokumen ini **menetapkan visi dan piawaian bersama** bagi memastikan penyampaian perkhidmatan rawatan paliatif yang berkualiti, konsisten, dan berfokus kepada pesakit di semua peringkat.

KKM turut merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak termasuk industri, sektor swasta dan NGO yang sentiasa memberikan kerjasama serta sokongan dalam memperkukuh perkhidmatan rawatan paliatif dalam negara. Penganjuran program dan aktiviti seumpama ini dilihat **berupaya menjadi pemangkin untuk mencetuskan perubahan positif dalam pemikiran (stigma)** masyarakat.

KKM yakin melalui sesi libat urus berterusan, kesedaran tentang kepentingan rawatan paliatif sebagai sebahagian daripada penjagaan kesihatan menyeluruh dapat ditingkatkan serta memperkukuh nilai kasih sayang, maruah dan keselesaan dalam setiap aspek penyampaian perkhidmatan kesihatan. Ini selaras dengan nilai MADANI - *Kemampanan, Kesejahteraan, Hormat dan Ihsan*.

-TAMAT-

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia**

